




BAB 1 – PENGENALAN SEJARAH

Halaman 13

Tapak Warisan Dunia


Warisan adalah legasi dari masa lampau, berterusan hingga kini untuk diperturunkan kepada generasi akan datang. Warisan budaya dan warisan semulajadi adalah sumber yang tiada ternilai harganya. Apa yang menjadikan warisan dunia ini istimewa adalah kerana warisan ini adalah milik manusia sedunia dan membawa manfaat kepada kehidupan sejagat walau di mana warisan ini ditemui. Langkah UNESCO memelihara dan memulihara warisan dunia amat berharga kepada ketamadunan manusia sejagat. Hal ini termaktub dalam Konvensyen mengenai Perlindungan Warisan Budaya dan Semulajadi Dunia, 1972.

Di negara kita, Jabatan Warisan Negara bertanggungjawab untuk memulihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan kekayaan khazanah warisan Malaysia. Jabatan ini mempunyai peranan seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk melaksanakan penyelidikan, arkeologi, konservasi bangunan dan monumen, pewartaan dan penguatkuasaan, warisan tidak ketara dan warisan semulajadi. Jabatan Warisan Negara memainkan peranan membawa warisan Malaysia ke peringkat dunia. Salah satu tugas yang mencabar Jabatan Warisan ini adalah usaha untuk mendapatkan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Sehingga kini, empat tempat telah berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia yang dapat dilihat seperti mana dalam peta di bawah.



A) Kategori Kebudayaan


ii) Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang



Melaka dan George Town merupakan bandar bersejarah di Selat Melaka yang telah berkembang lebih 500 tahun dahulu melalui perdagangan dan pertukaran budaya Timur dan Barat. Pada tahun 2008, UNESCO mengiktiraf Melaka dan George Town di Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia dalam kategori bandar raya. Pengaruh Asia dan Eropah telah memperkayakan kedua-dua bandar bersejarah ini sama ada dari segi warisan ketara dan warisan tidak ketara. Terdapatnya bangunan-bangunan kerajaan, gereja, dataran dan kubu pada era awal Kesultanan Melayu Melaka dan semasa tempoh kedatangan Portugis dan Belanda. George Town pula menampilkan bangunan kediaman dan komersial pada era British dari akhir abad ke-18. Melaka dan George Town juga membuktikan kewujudan warisan pelbagai budaya dan tradisi di Asia hasil pengaruh kolonial Eropah. Warisan ketara dan tidak ketara dilihat dalam pelbagai bangunan keagamaan yang mewakili kepercayaan yang berbeza, suku kaum, pelbagai bahasa, perayaan keagamaan, tarian, pakaian, seni dan muzik, makanan dan kehidupan seharian masyarakatnya.

i) Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak

Tapak arkeologi Lembah Lenggong telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 30 Jun 2012 di St. Petersburg, Rusia. Satu pencapaian yang membanggakan negara. Tapak ini juga membuktikan wujudnya peradaban manusia tertua di luar Afrika dan tempat pembuatan alat batu Zaman Paleolitik. Bukit Bunuh di Lembah Lenggong, Perak, merupakan kompleks petempatan zaman Paleolitik, dihuni dari semasa ke semasa sejak lebih 1.83 juta tahun dahulu. Tapak ini juga digunakan sebagai tempat membuat alat batu dan mendedahkan bukti-bukti lain seperti tapak tertua di Asia, bukti kapak genggam tertua di dunia, bukti impak meteorit dan kewujudan batuan baru iaitu suevit. Penemuan ini membuktikan Malaysia mempunyai kronologi kebudayaan yang terpanjang dan terpenting di Lembah Lenggong bermula pada Zaman Paleolitik, Neolitik seterusnya Zaman Logam pada 1,000 tahun dahulu.



UNESCO English Français Help preserve sites now!

News & Events The List About World Heritage Activities Publications Partnerships Resources Search

UNESCO Culture World Heritage Centre The List World Heritage List


Global Strategy Criteria Tentative Lists World Heritage List Nominations World Heritage List New Inscriptions Interactive Map World Heritage in Danger

Search the List Search Advanced

Archaeological Heritage of the Lenggong Valley

Description Maps Documents Gallery Indicators

Gua Gunung Runtuh di lembah ini juga mendedahkan bukti petempatan manusia dengan penemuan Perak Man. Perak Man ialah rangka yang paling lengkap di asia Tenggara dan memberi banyak maklumat tentang cara hidup, kepercayaan, diet, teknologi, ras, jantina dan penyakit pada Zaman Paleolitik.




B) Kategori Semulajadi

i) Taman Negara Mulu, Sarawak



The screenshot shows the UNESCO World Heritage Centre website. At the top, there are links for UNESCO, English, Français, and a button to "Help preserve sites now!". The main navigation menu includes News & Events, The List, About World Heritage, Activities, Publications, Partnerships, and Resources. A search bar is also present. The main content area displays the listing for "Gunung Mulu National Park". On the left, a sidebar lists Global Strategy, Criteria, Tentative Lists, World Heritage List Nominations, World Heritage List (which is selected), and New Inscriptions. The main content area shows a large image of a swan on a lake surrounded by lush greenery, with the title "Gunung Mulu National Park" and tabs for Description, Maps, Documents, Gallery, Video, and Indicators.


Taman Negara Gunung Mulu di Sarawak merupakan kawasan batu kapur yang sering dikaji di dunia. Kawasan Taman Negara ini yang seluas 52,864 hektar mengandungi 17 zon tumbuhan, mengandungi sekitar 3,500 spesis tumbuhan vaskular. Ditemui juga 109 spesis palma dari 20 genre. Taman Negara Gunung Mulu ini merupakan gunung batu pasir setinggi 2,377 meter. Sekurang-kurangnya sejauh 295 kilometer gua telah diterokai dengan pemandangan yang menakjubkan dan merupakan gua kediaman berjuta-juta burung layang-layang dan kelawar. Kamar Sarawak (Sarawak Chamber) berkeluasan 600 meter x 415 meter dan tinggi 80 meter merupakan kamar gua terbesar di dunia membentuk pola pergerakan harian bagi burung dan kelawar berterbangan di dalam gua tersebut.



ii) Taman Negara Kinabalu, Sabah

The screenshot shows the UNESCO World Heritage Centre website. At the top, there are links for 'UNESCO' (with icons for the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization), 'English Français', 'Help preserve sites now!', 'Login', and 'Join the 105,103 Members'. Below this is a banner image of a swan on a lake surrounded by lush greenery. The main navigation menu includes 'News & Events', 'The List', 'About World Heritage', 'Activities', 'Publications', 'Partnerships', 'Resources', and a search bar. On the left sidebar, under 'Global Strategy', there are links for 'Criteria', 'Tentative Lists', 'World Heritage List Nominations', 'World Heritage List' (which is highlighted in white), and 'New Inscriptions'. The main content area features the title 'Kinabalu Park' and navigation tabs for 'Description', 'Maps', 'Documents', 'Gallery', and 'Indicators'. A large image of a blue bird is visible on the left side of the main content area.

Taman Kinabalu terletak di Sabah, utara Pulau Borneo. Gunung Kinabalu yang terdapat di Taman Kinabalu ini mempunyai ketinggian 4,095 meter merupakan gunung tertinggi di antara puncak Himalaya dan New Guinea. Taman Kinabalu ini merupakan kawasan yang mempunyai kepelbagai habitat dari kawasan rendah tropika, kawasan hujan hutan tropika, sehingga kawasan hutan gunung tropika, hutan separa alpine dan tumbuhan renek pada aras tinggi. Taman Kinabalu ini telah dikelaskan sebagai Pusat Kepelbagai Tumbuhan Asia Tenggara disebabkan kekayaan tumbuhan flora dari Himalaya, China, Australia dan Malaysia.



Rujukan:

Jabatan Warisan Negara, 2013 .World Heritage Malaysia, Al Bukhary Series VIII. Kuala Lumpur.

Jabatan Warisan Negara, 2013 .Warisan Arkeologi Malaysia, , Al Bukhary Series VIII. Kuala Lumpur.

UNESCO World Heritage Centre <http://whc.unesco.org/en/about/>
Portal rasmi Jabatan Warisan Negara <http://www.heritage.gov.my/>